

**PENGETAHUAN DAN KESEDARAN KANAK-KANAK TENTANG
PENYALAHGUNAAN DADAH**

Nurulfaridahsulaiman
nurulfaridah.sulaiman@gmail.com
Ku Suhaila Ku Johari

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Isu penyalahgunaan dadah semakin hari semakin membimbangkan. Jika dahulu, hanya golongan dewasa yang terlibat dalam isu dadah. Namun kini, kegiatan pengedaran dan penagihan dadah sudah mula menular di kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak juga mula dieksploitasi oleh golongan yang tidak bertanggungjawab untuk digunakan sebagai pengedar dadah dan seterusnya menyumbang kepada permasalahan penagihan dadah di kalangan kanak-kanak. Kertas kerja konsep ini dirangka bertujuan untuk melihat tentang pengetahuan dadah di kalangan pelajar. dapatan kajian lepas dibincangkan berkaitan pengetahuan kanak-kanak tentang faktor-faktor penagihan dadah serta kesan penagihan dadah kepada masyarakat.

PENDAHULUAN

Masalah penyalahgunaan dadah bukanlah satu perkara yang baru dalam masyarakat Malaysia bahkan dunia. Pelbagai program telah kerajaan jalankan untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya penyalahgunaan dadah. Namun begitu, kegiatan penyalahgunaan dadah masih menunjukkan statistik yang tinggi dalam kegiatan jenayah yang berlaku dalam negara setiap tahun. Istilah dadah tidak perlu lagi diperkenalkan, tetapi sejauh manakah kita mengambil tahu perkara mengenai dadah ini. Dadah secara umumnya adalah sejenis bahan yang digunakan dalam bidang perubatan. Namun, dengan adanya kemudahan teknologi moden masa kini, masalah sosial yang semakin meningkat di kalangan masyarakat dunia umumnya dan Malaysia tidak terkecuali dalam masalah penyalahgunaan dadah ini.

Oleh itu, dadah telah di salah guna untuk tujuan sebagai alat untuk berhibur secara ekstrem, penyelesaian masalah, meningkatkan ketahanan, keberanian dan pelbagai lagi alasan yang diberikan oleh penagih dadah apabila ditanya tentang sebab penglibatan mereka dalam penyalahgunaan dadah ini. Menurut agensi anti dadah kebangsaan (AADK) (1998), dadah merupakan bahan psikoaktif yang mempunyai ciri-ciri seperti boleh membawa kesan buruk kepada sistem saraf, digunakan bukan untuk tujuan perubatan, diperoleh secara haram dan membawa pergantungan fizikal serta psikologi serta memberi kesan buruk kepada kesihatan dan fungsi sosial.

Penyalahgunaan dadah berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor. Walau apa pun alasan yang diberikan, penyalahgunaan dadah merupakan satu kesalahan yang besar bukan sahaja memberi kesan kepada individu tersebut sahaja malahan kepada orang lain serta memberi impak yang besar kepada negara, bangsa dan negara. Kerajaan Malaysia melihat serius permasalahan penyalahgunaan dadah ini. Di Malaysia juga terdapat sebanyak 28 buah Pusat Pemulihan

Penagih Narkotik (PUSPEN) di mana setiap negeri mempunyai sekurang-kurangnya satu pusat PUSPEN yang dulu dikenali sebagai pusat serenti.

Kerajaan telah mewartakan akta khas bagi kesalahan penyalahgunaan dadah ini seperti Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Penagihan Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 pindaan 1998, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988 serta Akta Racun 1952. Dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 Mengandungi aspek berkaitan kesalahan, prosedur dan keterangan yang membabitkan pelbagai kesalahan dadah. Selain itu, akta tersebut juga boleh mengenakan hukuman mati kepada individu yang didapati bersalah.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Dadah Kebangsaan (AADK) penagihan dadah meningkat daripada 15 101 orang pada tahun 2012 dan meningkat kepada 21 777 orang pada tahun 2014. Berdasarkan statistik AADK tersebut terdapat penurunan penagihan pada tahun 2013 tetapi meningkat kembali pada tahun 2014 dan tiada data yang diperolehi untuk penagihan di bawah umur bawah umur 13 tahun daripada tahun 2012 sehingga 2014. Data yang diperolehi adalah berdasarkan penagihan yang dapat dikesan, oleh itu, bagaimana pula dengan penagih dadah yang tidak dapat dikesan.

Pihak media kini sering menyiarkan tentang penangkapan penagihan dadah di kalangan pelajar sekolah. Gejala seperti ini membimbangkan tetapi semakin menular dalam masyarakat kini. Dan memberi kesan kepada keadaan remaja kita pada masa akan datang. Oleh itu, sebagai salah satu langkah pencegahan awal kita perlu memberikan pengetahuan kepada kanak-kanak tentang bahaya penyalahgunaan dadah.

Perkembangan kanak-kanak bermula daripada peringkat awal sehingga ke peringkat akhir adalah satu tempoh masa yang sangat penting. Menurut Kamarulzaman Kamaruddin (2009) menyatakan personaliti kanak-kanak pada tahap kanak-kanak akan mempengaruhi diri mereka semasa zaman remaja. Pengaruh rakan sebaya menjadi semakin penting dalam melakukan perkara yang menyebabkan mereka diterima oleh sesebuah kumpulan yang dirasakan sesuai dengan personaliti mereka. Selain itu, akan berlaku konflik peraturan bagi orang dewasa yang berbeza dengan peraturan kanak-kanak. Hal ini berlaku kerana persepsi dan pandangan orang dewasa berbeza dengan pemikiran dan asuhan yang diterima oleh kanak-kanak.

Oleh itu, permasalahan yang berlaku boleh berlarutan dan boleh menyebabkan seseorangkanak-kanaktersebutmengalamigangguanemosidanberkelakuannegatifpada kemudian hari. Kesalahan yang dilakukan biasanya dilakukan kerana berkehendakkan penerimaan daripada kumpulan yang ingin dituruti kanak-kanak tersebut. Menurut Kamarulzaman Kamaruddin (2009) lagi, kanak-kanak pada peringkat ini sangat sensitif dengan kritikan dan cemuhan. Sebarang kritikan kepada mereka merupakan satu pukulan yang teruk kepada kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak juga susah untuk menyesuaikan diri dengan kegagalan. Mereka memerlukan pujian dan pengakuan.

MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH DI SEKOLAH

Setiap individu memulakan kehidupan mereka dengan peringkat kanak-kanak. Pada peringkat kanak-kanak, proses perkembangan seperti perkembangan emosi, kognitif dan sosial berkembang dengan pesat Kamarulzaman Kamarudin (2009). Justeru itu, persekitaran tempat tinggal dan suasana asuhan yang diberikan oleh ibu bapa memberi pengaruh yang besar kepada kanak-kanak dalam membentuk sikap dan perlakuan kanak-kanak tersebut. Selain itu, pada peringkat ini pengaruh kawan-kawan menjadi semakin penting. Nilai-nilai yang terdapat dalam diri rakan-rakan mereka mula menjadi keutamaan kepada kanak-kanak berkenaan. Pergaulan dengan rakan-rakan sebaya mereka akan menentukan jenis konsep diri yang terbentuk dalam diri seseorang kanak-kanak sama ada konsep diri positif ataupun konsep diri yang negatif. Pergaulan antara kawan-kawan mereka juga akan membentuk kumpulan berdasarkan keserasian mereka antara ahli kumpulan itu.

Untuk melindungi kanak-kanak daripada penganiayaan dan eksploitasi daripada pihak yang tertentu, kerajaan Malaysia telah membuat satu akta yang dikenali sebagai akta kanak-kanak 2001. Menurut konvensyen bangsa-bangsa bersatu bagi hak kanak-kanak dalam artikel 40(1) menyatakan bahawa kanak-kanak yang disabitkan dengan kesalahan hendaklah diperlakukan menurut maruah mereka sebagai seorang kanak-kanak dengan mengambil kira hak kemanusiaan dan mengambil kira umur serta keperluan mereka sebagai manusia yang bakal memainkan peranan konstruktif dalam masyarakat. Menurut Anita Abdul Rahim et. al (2014), berdasarkan seksyen 97 akta kanak-kanak 2001, hukuman mati tidak boleh dijatuhkan dan direkodkan sebagai kesalahan kanak-kanak termasuk kesalahan mengedar dadah dan digantikan dengan hukuman lain atas budi bicara mahkamah.

Kajian tentang penyalahgunaan dadah berlaku di kalangan pelajar telah lama dijalankan. Menurut buku Petaka Abad 21, satu kajian yang telah dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia pada tahun 1975 untuk melihat sejauh mana penyalahgunaan dadah ini berlaku di kalangan pelajar. Kajian ini melibatkan 20 000 pelajar sekolah menengah dan keputusan kajian tersebut menunjukkan apabila seorang pelajar tersebut terlibat dengan dadah, sekurang-kurangnya lima orang daripadanya mempunyai keinginan untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Kajian ini dijalankan 40 tahun lepas di mana statistik penagih dadah yang dikesan pada tahun tersebut hanya 10 325 orang berbanding statistik yang dikeluarkan Agensi Anti Dadah Malaysia (AADK) menunjukkan seramai 21 777 orang penagih dadah dikesan pada tahun 2014.

Menurut Akhbar Sinar Harian (18 OGOS 2015), 3.35 peratus pelajar didapati pelajar sekolah didapati positif dadah semenjak dua tahun lepas. Keputusan ini diperoleh daripada 117 562 pelajar yang telah menjalani ujian urin semenjak awal tahun 2013 sehingga Ogos 2015. Akhbar berita utusan melaporkan berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh PDRM sepanjang tahun 2013, seramai 20 kanak-kanak bawah 12 tahun telah ditahan di atas kesalahan mengedar dadah, 310 orang remaja yang berusia di antara 14 hingga 18 ditahan atas kesalahan yang sama. Manakala 180 kanak-kanak ditahan kerana memiliki dadah dan 330 kanak-kanak disahkan positif dadah. Seramai 5466 remaja di antara 14 tahun hingga 15 tahun disahkan positif dadah.

PENYATAAN MASALAH

Melalui dasar dadah negara, matlamat kerajaan Malaysia untuk melihat negara Malaysia bebas dadah pada tahun 2015 tidak berjaya. Kadar penyalahgunaan dadah tidak berkurang malah semakin meningkat dari semasa ke semasa. Golongan pelajar di kalangan kanak-kanak juga tidak terkecuali menyumbang kepada statistik peningkatan penyalahgunaan dadah di Malaysia.

Penyalahgunaan dadah di kalangan remaja dan pelajar sekolah menunjukkan statistik yang membimbangkan. Golongan belia yang berusia di antara 19 hingga 39 paling ramai yang terlibat dengan gejala penagihan dadah ini serta majoriti mereka berusia di antara 25 hingga 29 tahun. Statistik yang dikeluarkan oleh agensi antidadah kebangsaan menunjukkan sebanyak pada tahun 2014 sebanyak 13 605 penagih baru iaitu peningkatan sebanyak 124 orang dan penagih berulang pula adalah sebanyak 8172 orang dan meningkat sebanyak 766 orang. Daripada statistik tersebut juga menunjukkan bahawa bilangan penagih dadah menurun pada tahun 2011 tetapi kembali meningkat daripada tahun ke setahun selepas itu. Laporan bilangan penagihan dadah ini dapat dilihat dalam statistik penyalahgunaan dadah 2010-2014 yang dikeluarkan oleh agensi dadah kebangsaan (AADK). Hal ini menunjukkan, pihak perlu memikirkan alternatif berkesan bagi mengurangkan statistik ini kerana hukuman dan denda yang terdapat kini seolah-olah tidak dapat menggerunkan mereka daripada terus menagih dadah.

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN LEPAS

Kajian daripada Chan Yuen Fook (2011) dalam kajiannya kepada seramai 2914 pelajar daripada 43 buah sekolah di seluruh Malaysia. Kajian ini mengkaji tentang tahap pengetahuan pelajar tentang penyalahgunaan dadah dan pencapaian pelajar dalam ujian pengetahuan pencegahan dadah di sekolah mengikut negeri, jantina, tempat tinggal dan tahap kepandaian murid. Daripada dapatan kajian tersebut, didapati pengetahuan pelajar sekolah di Malaysia tentang penyalahgunaan dadah di Malaysia masih di tahap tidak memuaskan. Hasil dapatan menunjukkan secara umumnya pelajar - pelajar mengetahui tentang perkara – perkara umum berkaitan faktor-faktor penyalahgunaan dadah dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dadah. Namun dapatan menunjukkan pelajar sekolah tidak dapat mengenal pasti tanda – tanda awal penagihan dadah dan kesan terhadap fizikal akibat ketagihan. Ini sekali gus menunjukkan pelajar sekolah di Malaysia mempunyai tahap pengetahuan yang rendah tentang penyalahgunaan dadah dan menjadikan mereka berisiko tinggi untuk terdedah kepada gejala ini.

Kajian lain dari Hong Kian Sam (2011) yang mengkaji tentang peranan gaya keibubapaan dan faktor sekolah dalam penyalahgunaan bahan bagi 6798 pelajar dari 34 buah sekolah menengah di Sarawak. Dapatan utama kajian ini menunjukkan pelajar lelaki kaum bumiputera mempunyai lebih ramai yang terlibat dalam penyalahgunaan bahan. Dapatan kajian tersebut juga menunjukkan penyalahgunaan bahan seperti arak dan rokok semakin membimbangkan di kalangan pelajar sekolah. Penyalahgunaan bahan di kalangan pelajar menjadi salah satu sebab utama mereka menjadi seorang penagih dadah. Kenyataan ini disokong oleh kajian Zarina (2015) menunjukkan remaja yang mempunyai kawan-kawan rapat yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan lebih berkemungkinan terlibat dalam penyalahgunaan tersebut. Daripada dapatan kajian tersebut sebanyak 4.5 hingga 5.7 peratus kawan-kawan rapat terlibat dengan penyalahgunaan pil ecstasy, pil nospan, pil tidur dan ubat batuk manakala tujuh peratus pelajar menyatakan rakan mereka terlibat dengan hidu gam. Dalam dapatan kajian ini juga sebanyak 4.6 peratus responden menyatakan kebanyakan dan hampir semua rakan-rakannya menghisap rokok. Selain itu, ibu bapa yang sering bergaduh juga merupakan salah

satu faktor penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar. Faktor tersebut terdapat dalam kajian Mahyudin (2009), 36.1 peratus responden bersetuju ibu bapa mereka sering bergaduh dan gagal memberikan contoh yang terbaik dalam keluarga. 27.8 peratus responden juga menyatakan keluarga mereka lebih mementingkan duniawi dan menyebabkan mereka terbabit dengan dadah.

Daripada dapatan kajian oleh Hong Kian Sam (2011) pula menunjukkan penyalahgunaan bahan seperti rokok dan arak di kalangan pelajar sekolah menengah semakin meningkat. Ketagihan terhadap penyalahgunaan barang boleh membuat seorang individu terlibat dengan penagihan dadah. Pengaruh kawan-kawan dan sikap pelajar yang tidak minat untuk bersekolah, suka bersuka ria serta mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi boleh menyebabkan seseorang pelajar tersebut terjerumus dalam penyalahgunaan dadah.

Kajian Mahyudin (2009) membincangkan faktor-faktor penyalahgunaan dadah. Kajian ini menunjukkan empat faktor yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah iaitu faktor sikap individu, permasalahan keluarga pengaruh rakan sebaya dan pengetahuan tentang dadah. Sebanyak 52.8 peratus responden bersetuju bahawa keempat-empat tersebut merupakan faktor penyalahgunaan dadah. Kesemua faktor mendapat min hampir sama dengan faktor sikap individu mendapat min tertinggi iaitu sebanyak 3.53. Responden menyatakan mereka suka menghisap rokok walaupun mengetahui bahawa menghisap rokok boleh membawa kepada penyalahgunaan dadah apabila rokok menjadi satu ketagihan. Amalan merokok dan pengambilan minuman yang memabukkan mempunyai perkaitan yang jelas ke arah penagihan dadah (Abdullah, 1993; Mahyudin 2009). 58.3 peratus responden pula menyatakan mereka menggunakan dadah untuk mengurangkan tekanan.

Dalam kajian luar negara yang mengkaji tentang faktor-faktor penyalahgunaan dadah dikaitkan dengan pengetahuan mereka. Kajian ini dijalankan di Iran dan mendapati antara faktor penyalahgunaan dadah ialah seperti konflik keluarga, tekanan, perasaan rendah diri, pengaruh rakan dan ibu bapa yang terlalu tegas. Daripada kajian tersebut juga mendapati, pengetahuan pelajar tentang rokok dan kanabis masih belum memuaskan. Selain itu, dalam kajian ini juga memperlihatkan pelajar lelaki lebih mengetahui tentang jenis-jenis dadah manakala pelajar perempuan pula lebih tahu tentang kesan dadah stimulasi dan kesan jangka panjang dan jangka pendek dadah. Selain itu, kajian tersebut juga mendapati pelajar yang tinggal di kawasan bandar mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi tentang jenis-jenis dadah, kesan jangka pendek dan jangka panjang penyalahgunaan dadah. Dalam kajian yang dilakukan oleh Audrey (2000) dalam kajian Drug-Related Knowledge, Attitudes And Belief In Ireland menunjukkan individu yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah mempunyai tahap pengetahuan tentang dadah lebih rendah. Responden kajian ini mempunyai pengetahuan tentang jenis-jenis dadah tetapi terdapat juga beberapa jenis dadah yang kurang di ketahui oleh responden. Kebanyakan responden menyatakan penyalahgunaan dadah adalah satu masalah serius di Ireland dan polisi pencegahan dadah perlu dipertingkatkan. Walaupun begitu, masalah penyalahgunaan dadah di Ireland masih kurang serius berbanding masalah alkohol.

Kajian oleh Zarina (2015) membincangkan tentang faktor-faktor pengedaran dadah di Malaysia dan kesan kepada pesalah juvenil di Malaysia. Kegagalan dalam bidang akademik merupakan salah satu faktor penyalahgunaan bahan selain terdapat banyak pusat hiburan menyebabkan kebanyakan pelajar dan remaja ke pusat hiburan untuk mencuba pelbagai jenis dadah dan berseronok. Perkara ini diakui oleh salah seorang responden. Pelajar yang sudah tidak minat belajar lebih suka melibatkan diri dengan aktiviti yang tidak sihat. Faktor pengaruh rakan

diakui oleh seorang juvenil. Mengikuti responden pada awal pembabitan dalam penagihan dadah kawan-kawannya memberikan dadah kepadanya secara percuma. Pengaruh rakan juga merupakan salah satu faktor dalam kajian Mahyudin (2009), separuh daripada responden mudah menerima ajakan rakan mereka untuk mencuba dadah. Selain itu, dalam kajian itu juga 30.6 peratus responden mengakui bahawa pendirian mereka goyah apabila didesak oleh rakan-rakannya.

Faktor lain yang dinyatakan dalam kajian tersebut ialah peranan pihak berkuasa dalam memerangi pengedaran dadah adalah lemah walaupun usaha untuk membanteras pengedaran dan penagihan dadah ini berlaku semenjak berpuluh tahun yang lepas. Menurut Halim Musa dalam kajian Zarina (2015), rangkaian jenayah pengedaran dadah ini berlaku dalam negara yang menjaga undang-undang mereka serta menghuru-harakan negara tersebut kerana kelemahan seperti penguatkuasaan yang lemah, pegawai-pegawai berkuasa yang rasuah serta masyarakat yang tidak prihatin dan bertanggungjawab.

Daripada dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian lepas dapat dirumuskan bahawa faktor-faktor penyalahgunaan dadah di setiap negara adalah hampir sama di mana faktor seperti masalah keluarga, sikap individu seperti tekanan perasaan, tidak minat belajar serta menginginkan kesenangan yang cepat juga menyebabkan seseorang individu terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah. Faktor-faktor lain adalah seperti pengaruh rakan, gaya keibubapaan, kelemahan undang-undang sesebuah negara. Faktor-faktor ini juga dialami oleh peringkat usia yang lain yang mengalami penyalahgunaan dadah.

KESIMPULAN

Kajian tentang penyalahgunaan dadah sememangnya telah banyak dilakukan di negara ini. Ramai pengkaji telah mengkaji tentang pelbagai aspek dalam masalah penyalahgunaan dadah ini. Walaupun begitu, kajian yang melibatkan kanak-kanak dan penyalahgunaan dadah masih kurang dijalankan di Malaysia. Oleh itu, pengkaji ingin melihat sejauh mana kanak-kanak mengetahui tentang bahaya penyalahgunaan dadah ini.

Hasil kajian ini juga diharap memberi manfaat kepada masyarakat dan memberi maklumat berguna orang awam tentang kesedaran kanak-kanak tentang dadah. Jika kesedaran kanak-kanak tentang bahayanya penyalahgunaan ini tinggi peluang untuk melihat masalah penyalahgunaan dadah menurun akan menjadi perkara yang mustahil. Banyak kebaikan yang akan diperolehi oleh negara apabila masalah penyalahgunaan ini berkurangan. Salah satunya ialah kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan untuk menampung permasalahan penyalahgunaan dadah yang berlaku di Malaysia.

Kanak-kanak sekolah rendah kini akan menjadi pemimpin masa depan negara. Kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah ini perlu ditanam dalam diri mereka sejak awal lagi supaya mereka betul-betul mengetahui tentang kesan pengambilan dadah secara salah. Selain itu, pihak sekolah juga memainkan peranan penting untuk membuka minda kanak-kanak serta mendidik mereka menjauhi dadah. Pihak sekolah perlu merancang lagi aktiviti-aktiviti kesedaran dan pelajar memperoleh maklumat berguna untuk menjauhkan diri mereka daripada pengaruh dadah.

RUJUKAN

- Kamarulzaman Kamaruddin, 2009, *Psikologi Perkembangan: Panduan Untuk Guru*, penerbitan Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Wan Azmi Razali, 1998, *Petaka Abad Ke 21*, Golden Books Centre Sdn. Bhd, Kuala Lumpur
- Chan Yuen Fook et. Al. (2011). Tahap Pengetahuan Murid Sekolah Rendah Malaysia Tentang Bahaya Dadah *Jurnal Antidadah Malaysia: Malaysian Anti Drugs Jurnal*, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Kementerian Keselamatan dalam Negeri, Putrajaya.
- Hong Kian Sam et. al. (2011). Penyalahgunaan Bahan Di Kalangan Remaja: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Sarawak. *Jurnal Antidadah Malaysia: Malaysian Anti Drugs Jurnal*, Agensi Anti dadah Kebangsaan dan Kementerian Keselamatan dalam Negeri, Putrajaya.
- Hong Kian Sam Et. Al. 2011, Faktor Sekolah, Sosio Demografi Keluarga, Gaya keibubapaan dan Identiti Etnik Sebagai Peramal penyalahgunaan Bahan: Kajian di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Sarawak. *Jurnal Antidadah Malaysia: Malaysian Anti Drugs Jurnal*, Agensi Antidadah Kebangsaan Dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Putrajaya.
- Tarmizi Abdul Rahim, *Sila Jaga Tepi Kain Anak Anda*, Utusan Malaysia Online, 14 Mei 2015.
- Sinar Harian Online, *3.35 Peratus Pelajar Positif Dadah Sejak 2013*, 18 Ogos 2015.
- <http://www.adk.gov.my/web/guest/dadah> (Statistik Dadah 2010-2014)
- <http://www.adk.gov.my/web/guest/dadah> (Maklumat Dadah 2014)
- Zarina Othman Et. Al, Ancaman Sindiket Dadah Terhadap Juvenil Di Malaysia, *Geografia Online Malaysia Journal Of Society And Space*, **11** Issue **1** (62 - 72).
- Mahyuddin Bin Arsaf Et. Al, 2009, *Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Pelajar. Satu Kajian Di Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka*.
- Anita Abdul Rahim Et. Al, 2014, Kesalahan Mengedar Dadah Oleh Kanak-Kanak dan Hukumannya di Malaysia, *Jurnal Universiti Utara Malaysia*, 27-33
- Nahid Geramianet. al, 2012, Determinants of Drug Abuse in High School Students and Related Knowledge and Attitude, vol. 62 no. 2
- Audrey bryan Et. Al, 2000, *Drug-Related Knowledge, Attitudes and Beliefs in Ireland*, Drug Misuse Research Division The Health Research Board, Dublin.